

# Menyelami Budaya tempatan

► 16 keluarga teruja terima anak angkat daripada KKE



DARI KAMPUS

UB 30.8.2018 B3

**S**ERAMAI 50 penghuni Kolej Kediaman E (KKE) menjayakan Program Tautan Kasih Kampung Kerukan Kuala Penyu anjuran Exco Kemasyarakatan Kolej Kediaman E, baru-baru ini.

Pengarah Program Mohamad Fadlie Shafiq

berkata, program yang diadakan selama 3 hari 2 malam itu memberi pendedahan dan peluang kepada penghuni KKE terutamanya yang berasal dari Semenanjung untuk merasai budaya dan gaya hidup masyarakat di Sabah, yang sangat mesra dan suka menerima pengunjung dari luar.

"Penganjuran program ini juga secara tidak langsung memberikan semangat dan kegembiraan kepada para penghuni KKE yang menyertai program ini selepas mengetahui gaya hidup masyarakat sini



PESERTA bergambar selepas menanam pokok tanda perasmian program Tautan Kasih.



PESERTA Program Tautan Kasih Kampung Kerukan.

seperti cara membuat ambuyat. Malah, ini merupakan kali kedua program ini berlangsung," katanya dalam satu kenyataan pada majlis perasmian dan penutupan pada Ahad lepas.

Beliau juga yang Sekretariat KKE berkata, pemilihan keluarga angkat




PESERTA bersama keluarga angkat.



MAJLIS penerimaan keluarga angkat.

turut mendapat sambutan daripada pihak Kampung Kerukan sendiri tetapi pihak beliau membuat keputusan untuk memilih 16 keluarga angkat terpilih sahaja.



ACARA senamrobik yang diadakan.

"Kita dilahirkan oleh masyarakat, sudah pastinya kita akan kembali kepada masyarakat. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang program ini berlangsung selama 3 hari 2 malam," katanya.

Turut hadir pada majlis perasmian dan penutupan ialah Pengetua Kolej Kediaman E, Timbalan Pengetua Kolej Kediaman E, Barisan Kepimpinan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman E dan Ketua Kampung Kerukan, Kuala Penyu.